

# Empat projek RM28.6b jana pembangunan

» Malaysia, Singapura jalin kerjasama ekonomi



Abdul Halim Yusoff  
halemb@msn.com.my  
► Singapura

**M**alaysia dan Singapura semalam memperkenalkan kemitraan dua hala ekonomi dengan menjalin kerjasama membangunkan empat projek mega bernilai RM28.6 bilion di Johor Bahru, Iskandar Malaysia dan Singapura.

Kerjasama berkenaan jalah membina Marina One, sebuah projek pembangunan berspadu di Central Business District (CBD) di Singapura bernilai RM17.5 bilion, Pulau A2 di Danga Bay bernilai RM8.1 bilion dan Urban Wellness serta Resort Wellness di Medini Iskandar Malaysia, kedua-duanya bernilai RM3 bilion.

Kedua-dua negara juga sepatuk membina perkhidmatan kereta api laju yang apabila siap menjelang tahun 2020 akan memudahkan masa perjalanan Kuala Lumpur-Singapura kepada hanya 90 minit.

## Pemukiman pemimpin

Majoris pelancaran, pecah tanah, menandatangani serta persettui melaksanakan kerjasama itu disempurnakan sempena Pemukiman Pemimpin Malaysia-Singapura Keempat antara Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan rakan setawannya Lee Hsien Loong, Singapura dan Johor Bahru semalam.

Dalam sidang akbar bersama selepas pemukiman itu, kedua-dua pemimpin menyifatkan hubungan kedua-dua negara sebagai gal prosesif dan mantap serta berterakat supaya ia berkelakuan. Najib dan Hsien Loong bersempena hubungan Malaysia-Singapura memasuki dimensi baru berdasarkan keyakinan dan saling mempercayai yang semakin kuat. Justeru, kedua-dua negara menzahirkan komitmen untuk merampung satu sama lain. "Kami tidak manukau kema-



Najib bersama Hsien Loong diberi penerangan oleh Pengurusi Pukul Indah Ventures Sdn Bhd, Tan Sri Syed Anuar Jamalullail mengenai model bangunan Urban Wellness, Nusajaya selepas merasmikan Majlis Pecah Tanah Urban Wellness di Medini Mall, Nusajaya, semalam.

B14 Digital  
Untuk lebih gambar sila layari [subscription.msp.my](http://subscription.msp.my)

juan (projek) yang terlalu mengejutkan. Kami mahukan kemajuan mapan kerana ia adalah ciri sebenar hubungan dua hal kita.

## Hulu kesinambungan

"Sudah tentu kita mahu kesinambungan kerana semua projek yang sudah dirangka untuk jang-

ka panjang. Jadi, untuk memastikan keadaan itu direalisasi sudah tentu kita perlukan ketabahan dan kesinambungan," kata Najib ketika menjawab soalan sama ada keputusan Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) akan memberi kesepakatan pelbagai projek yang sudah dirancang kedua-dua negara.

Mengulas isu sama, Hsien Loong berkata, kerjasama dua hala Malaysia-Singapura disifatkan sebagai marathon, iaitu pembangunan adalah berasaskan hal tuju mapan jangka panjang.

"Sudah tentu kami juga mahu ketabahan dan kesinambungan katanya.

## Urban Wellness lengkap ekosistem Medini Iskandar

**P**rojek Urban Wellness diketahui sebagai Afitini Medini dan Resort Wellness yang dinamakan Avira bernilai RM1.5 bilion bakal membangunkan ekosistem Medini Iskandar Malaysia yang menjadi sebahagian zon pembangunan wilayah pengembangan selatan.

Afitini Medini akan dimajukan Pulau Indah Ventures Sdn Bhd (PIV), sebuah syarikat usaha sama 50:50 antara syarikat pelaburan kerajaan, Khazanah Nasional Bhd dengan syarikat pelaburan kerajaan Temasek Holdings.

**D**estinasi serantau Projek itu dimasuki menjadi destinasi seni dan kepada keluarga, pelancongan dan profesional ramai. Ia memberi pengalaman penjagaan diri, peruncitan dan hospitaliti di bawah satu paket holistik.

Kos pelaburan membeli ta-

nah seluas dua hektar bagi membangunkan kawasan itu akan kira-kira RM300 juta. Ia akan dimajukan menjadi padat penjagaan diri, apartmen servis setinggi 33 tingkat, pu-

sat latihan korporat dan komponen runcit. Afitini Medini terletak berhampiran pusat pelancongan utama di Medini, Legoland Malaysia.

Lokasi projek dimajukan oleh Nur Merdu Sdn Bhd, sebuah syarikat usaha sama 50:50 antara PIV dengan Eastern & Oriental Bhd (E&O).

Projek berkonsepkan resort penjagaan diri itu memberi pilihan peliharaan kepada kediaman memikatnya gaya hidup konsep pemukiman dikelelingi kawasan hijau.

Penjagaan melalui kira-kira RM350 juta untuk membeli tanah seluas kira-kira 101 hektar antara pulau-pulau kawasan berkenaan dengan membina sancaktaru penjagaan diri, rumah teres, berkembar, kondominium, apartmen servis dan ruang komersial.

Pengerusi PIV, Tan Sri Syed

Zainol Anwar Syed Putra Jamalullail, berkata konsep penjagaan diri yang menjadi produk taruhan utama bagi kedua-dua projek berkenaan dipilih berikutan permintaan tinggi gaya hidup seimbang bukan saji di Malaysia dan Singapura, malah peringkat serantau.

**P**rojek berdaya maju Justeru, pelancaran kedua-dua projek berdaya maju itu mencerminkan komitmen menyerlah syarikat untuk membangunkan kawasan berkenaan.

Beliau berkata, projek Afitini Medini juga sudah mendapat komitmen sendiri apabila tiga rakan utama dilantik iaitu CIMB Investment Bank Bhd, Parkway Pantai Ltd serta The Ascott Ltd.

Projek Afitini Medini disaraskan kepada sebahagian peringkat utama yang berada di Malaysia dan Singapura malah dari sejurus rautan Asia Tenggara. "Avira pula dijangka mendapat sambutan baik pembeli tempatan dan antarabangsa, khususnya dari Singapura," katanya.

## "

**K**onsep penjagaan diri yang menjadi produk taruhan utama bagi kedua-dua projek berkenaan dipilih berikutan permintaan tinggi gaya hidup seimbang"

Syed Zainol Anwar  
Syed Putra Jamalullail,  
Pengerusi PIV